

**SALASILAH TAREKAT NAQSYABANDIYYAH
AL-‘ĀLIYYAH SYEIKH NĀẒIM AL-ḤAQQĀNĪ:
ANALISIS EPISTEMOLOGI, TRADISI DAN
ISU KEABSAHAN**

***Genealogy of the Naqshbandī al-‘Āliyyah Order of Sheikh
Nāẓim al-Ḥaqqānī: an Epistemological, Traditional, and
Legitimacy Issue Analysis***

^{i*} Mohd Fuad bin Mokhtar

ⁱⁱ Mardhiah binti Ahmad Sahimi, ⁱⁱⁱ Siti Fazidatul Zahariah binti Mat Saleh, ^{iv} Noor Mumtazah binti Hashim, ^v Ibtisam bt. Muhammad

ⁱ Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak
fuad@usas.edu.my

ⁱⁱ Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak, mardhihsahimi@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak, fazidatul@usas.edu.my

^{iv} Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak, mumtazah@usas.edu.my

^v Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak, ibtisam@usas.edu.my

*(Corresponding author) e-mail: fuad@usas.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini akan mengupas persoalan kesahihan salasilah dalam Tarekat Naqsyabandiyyah al-‘Āliyyah yang dipimpin oleh Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī. Salasilah dalam tarekat sufi bukan sekadar garis keturunan keilmuan, tetapi juga mewakili transmisi

rohani yang bersifat batiniah dan mendalam. Kajian ini menelusuri sejarah salasilah Naqsyabandiyyah, menilai sumber-sumber yang mengesahkan kesahihannya dan menjelaskan perbezaan pendekatan antara sanad hadis dengan salasilah dalam ilmu tasawuf. Artikel ini turut membincangkan konsep salasilah *barzakhiyyah* serta pandangan ulama terhadap kemungkinan pertemuan dengan Nabi Khidr AS. Kaedah kajian adalah berbentuk kualitatif menerusi analisis dokumen dan teks klasik serta kontemporari. Hasil kajian mendapati bahawa meskipun wujud pertikaian terhadap beberapa aspek metodologi sanad, salasilah tarekat ini diterima luas dalam kalangan ulama sufi dan diperakui oleh institusi keagamaan rasmi.

Kata Kunci: Tarekat Naqsyabandiyyah; salasilah; sanad tasawuf; Syeikh Nāzim al-Ḥaqqānī; Khidr AS; *barzakhiyyah*.

ABSTRACT

This article examines the question of the authenticity of the lineage in the Naqshbandiyyah al-‘Āliyyah order led by Syeikh Nāzim al-Ḥaqqānī. The lineage in the sufi order is not just a scholarly lineage, but also represents a spiritual transmission that is inner and profound. This study traces the history of the Naqshbandiyyah lineage, evaluates the sources that confirm its authenticity, and explains the difference in approach between the hadith chain of command and lineage in sufism. Also discussed is the concept of the *barzakhiyyah* lineage and the views of scholars on the possibility of meeting with the Prophet Khidr (AS).

The research method is qualitative through the analysis of classical and contemporary documents and texts. The results of the study found that despite disputes over several aspects of the methodology of the lineage, the lineage of this order is widely accepted among sufi scholars and is recognized by official religious institutions.

Keywords: Naqshbandiyya Sufi Order; lineage; chain of transmission of Sufism; Sheikh Nāẓim al-Ḥaqqānī; Khidr AS; *barzakhiyyah*

PENDAHULUAN

Tarekat sufi merupakan salah satu cabang utama dalam tradisi Islam yang menekankan aspek kerohanian, *tazkiyah al-nafs* dan pencapaian maqam ihsan. Sejak awal perkembangan Islam, wujud kelompok yang menumpukan perhatian kepada hubungan rohani dengan Allah S.W.T melalui zikir, mujahadah dan bimbingan seorang mursyid. Dalam konteks ini, Tarekat Naqsyabandiyyah muncul sebagai salah satu tarekat muktabar yang mempunyai sejarah panjang dan pengaruh yang luas.

Tarekat ini telah diasaskan oleh Syeikh Bahā' al-Dīn al-Naqshabandī (w. 1389M) dan sepanjang perkembangannya telah muncul pelbagai cabang dan aliran. Salah satu cabang yang menjadi perhatian ialah Tarekat Naqsyabandiyyah al-‘Āliyyah yang dipimpin oleh Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī (w. 2014M) yang berkembang sejak wafat gurunya iaitu Syeikh ‘Abd Allāh al-Dāghestānī pada 30 September 1973. Setelah itu, tarekat ini dikenali dengan nama Tarekat Naqsyabandiyyah Ḥaqqānī.¹ Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī telah dilahirkan pada 22 April 1922 di Larnaca, Cyprus. Beliau merupakan keturunan Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī dari sisi ayahnya dan Jalāl al-Dīn Rūmī dari sisi ibunya yang berperanan dalam penyebaran dan pengajaran tarekat ini. Pada peringkat

¹ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat, Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*, (Kedah: Universiti Utara Malaysia, 2015), 181.

awal, Syeikh Nāzim berdakwah di Cyprus dan menyebarkan ajaran tarekat ini terutamanya di Turki, meskipun pada masa itu Turki sedang mengalami rejim sekularisme yang kuat.²

Tarekat ini telah menghadapi pelbagai isu kontroversi yang menyebabkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengharamkan pengamalannya pada tahun 2000 kerana dianggap bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam.³ Namun begitu, pada tahun 2020, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memberikan kebenaran untuk mengamalkan tarekat tersebut dengan syarat tidak bertentangan dengan akidah dan syariah Ahli Sunnah Waljamaah⁴. Kebenaran ini kemudiannya diikuti oleh Negeri-negeri lain seperti Perak,⁵ Selangor, Sabah dan lainnya. Walau bagaimanapun hingga ke hari ini masih terdapat isu dan permasalahan yang ditimbulkan oleh segelintir masyarakat khususnya berkaitan keabsahan salasilah tarekat ini dari aspek sanad, kewujudan elemen ghaib seperti pertemuan dengan Nabi Khidr a.s. serta persoalan yang berkaitan dengan konsep *barzakhiyyah*.⁶

² Mawlana Syeikh Nāzim al-Haqqānī, Naqshbandi Official Website, diakses pada 29 Ogos 2025, <https://www.naqshbandi.org.za/mawlana-shaykh-nazim>. Lihat juga Nāzim al-Haqqānī, Wikipedia, diakses pada 29 Ogos 2025, https://en.wikipedia.org/wiki/Nazim_Al-Haqqani.

³ Jorden S. Nielsen, Mustafa Draper and Galina Yemelianova, “Transnational Sufism: The Haqqaniyya”, Bab 5, dalam buku *Sufism In The West* (London: Routledge, 2006), 104. Lihat juga Kompilasi pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016), 10-11.

⁴ Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan, “Dibenar Amal Tarekat Naqsyabandiah al-Aliyyah Syeikh Nazim al-Haqqani” Sinar Harian, 8 April 2022.

⁵ Jabatan Mufti Negeri Perak. “Fatwa Tarekat Naqsyabandiah al-Aliyyah Syeikh Nazim al-Haqqani”, Warta Kerajaan Negeri Perak, diakses pada 22 Julai 2022. Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak. <https://mufti.perak.gov.my/rakyat/koleksi-umum/warta-kerajaan/485-fatwa-negeri-perak>

⁶ Mohd Asyran Kamaruzzaman, “Pemikiran akidah Shaykh Nazim al-Qubrusi menurut Ahli Sunnah Waljamaah”, *Jurnal al-Hikmah*, 11, no. 1, (2019): 46-48.

Artikel ini bertujuan menganalisis kesahihan salasilah tarekat ini berdasarkan epistemologi ilmu tasawuf serta membandingkannya dengan kaedah sanad dalam ilmu hadis. Kajian ini juga turut meneliti pengiktirafan yang diberikan oleh institusi-institusi keagamaan serta tokoh-tokoh tasawuf terhadap kedudukan tarekat ini.

PERBINCANGAN

KEPENTINGAN SALASILAH DALAM TAREKAT TASAWUF

Dalam perspektif ilmu tarekat, salasilah merujuk kepada makna rangkaian perguruan, didikan kerohanian dan pemindahan ilmu, amalan dan hal ehwal kerohanian. Ia merupakan kesinambungan rangkaian hubungan antara para syeikh yang memimpin dari satu generasi ke satu generasi berikutnya tanpa terputus. Rangkaian salasilah tersebut terbentuk melalui proses tarbiah dan *irsyād*, hubungan *ṣuḥbah* (persahabatan dan perdampingan) serta pengahayatan adab-adab tarekat seperti talkin, baiah, adab-adab terhadap syeikh dan ikhwan, pemberian keizinan, dan praktik-praktik lain yang berkaitan dengannya.⁷

Ilmu tasawuf merupakan cabang ilmu dalam Islam yang menekankan dimensi spiritual dan pembinaan akhlak batiniah seorang hamba dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, hubungan rohani yang bersambung melalui sanad atau salasilah adalah sangat penting. Sanad salasilah ini merujuk kepada rangkaian guru dan murid yang bersambung secara terus-menerus hingga sampai kepada Rasulullah SAW.

Kepentingan sanad dalam tasawuf tidak hanya bersifat simbolik, tetapi memiliki nilai epistemologi dan spiritual yang tinggi. Sanad dalam tasawuf berfungsi sebagai pengawal keaslian ajaran, sekaligus sebagai

⁷ Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UNISZA bertajuk “Silsilah dalam ilmu Tarekat” yang dimuatkan dalam facebook Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus bertarikh 20 Desember 2017. Rujuk <https://www.facebook.com/muftins/posts/silsilah-dalam-ilmu-tarekatdr-abdul-manam-bin-mohamad-al-merbawijabatan-usuluddin>.

medium penyaluran barakah dan autoriti rohaniah. Melalui sanad yang sah, seorang murid (*sālik*) diyakini menerima bukan hanya ilmu, tetapi juga pengalaman rohani yang autentik.⁸

Mantan Syeikh al-Azhar ke-46, Syeikh ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd menyatakan tentang kepentingan kesahihan salasilah dalam memastikan keabsahan tarekat serta sebagai syarat penting dalam tasawuf.⁹ Kepentingannya juga diperakui oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī,¹⁰ Dr. ‘Abd al-Raḥīm al-Khaznawī¹¹ dan yang lain-lain. Prof Madya Dr. Abdul Manam melalui kajian beliau turut memperakui kesahihan sanad tarekat Naqsyabandiyah. Menurut beliau, salasilah merupakan perkara asasi bagi sesuatu tarekat. Ia pada hakikatnya merupakan rantai *ṣuḥbah* (perdampingan/persahabatan) dan pengambilan adab-adab tarekat dari satu generasi ke satu generasi seterusnya. Menurut pandangan dalam tradisi tarekat, memiliki salasilah yang benar dan bersambung dengan hadrat kenabian merupakan satu syarat asasi dalam perjalanan tarekat. Ketiadaan salasilah yang muktabar menyebabkan peningkatan ke darjat-darjat tasawuf tidak dapat dicapai. Orang yang tidak memiliki salasilah juga tidak diakui sebagai pewaris Nabi SAW dalam ilmu kerohanian serta tidak boleh diambil baiah daripadanya.¹²

Oleh sebab itu, perbahasan mengenai sanad salasilah dalam tasawuf menjadi wacana yang sangat penting untuk memahami

⁸ Abdul Manam Mohamad, “Silsilah Dalam Ilmu Tarekat,” dlm. *Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan*, (Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 22-24 November 2011), 37.

⁹ ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd., “*Al-Madrasah al-Syādhiliyyah al-Ḥadīṣah wa Imāmuhā Abū al-Ḥasan al-Shādhiliy*”, (Beirut: *Dār al-Kutub al-Ḥadīthah*, 1968), 38.

¹⁰ Ibn Ḥajar al-Haytamī, “*al-Fatāwā al-Ḥadīthiyyah*”, (Beirut: *Dār al-Fikr*, t.t), 240.

¹¹ ‘Abd al-Rahim al-Khaznawī, *al-Ṭarīqah al-Naqsyabandiyah Nasy’atuhā Uṣūluḥā Taṭawwaruhā*, (Cairo: *Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah*, 2015), 40.

¹² Abdul Manam Mohamad, “Tarekat Naqsyabandiyah: Perkembangan dan Sumbangan Ikhwannya di Malaysia,” Kertas kerja dibentangkan dalam Munaqashah Sufi peringkat Kebangsaan (Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 2004) 48.

mekanisme pewarisan ilmu dan pengalaman spiritual secara sah dalam tradisi tarekat.

ISU-ISU BERKAITAN SALASILAH TAREKAT NAQSYABANDIYYAH AL-‘ĀLIYYAH SYEIKH NĀZIM AL-ḤAQQĀNĪ DAN PENJELASAN

a) Rantaian Salasilah

Salasilah merupakan perkara asasi bagi sesuatu tarekat. Ia berlaku melalui *ṣuḥbah* atau perdampingan dan persahabatan dari satu generasi ke satu generasi.¹³ Memiliki salasilah yang berturutan dan bersambung hingga ke Nabi Muhammad S.A.W merupakan syarat asas dalam perjalanan tarekat. Tanpa salasilah, peningkatan ke maqam-maqam tasawuf dianggap tidak tercapai dengan sempurna.¹⁴

Salasilah Tarekat Naqsyabandiyyah Ḥaqqānī bermula daripada Rasulullah S.A.W kepada Sayyidinā Abū Bakr kemudian melalui tokoh-tokoh besar seperti Ja‘far al-Ṣādiq, Abū Yazīd al-Bisṭāmī, ‘Abd al-Khālīq al-Ghujdawānī hingga ke Syeikh Bahā’ al-Dīn al-Naqshabandī. Dari situ ia bersambung hingga ke Syeikh Nāzīm al-Ḥaqqānī sebagai pewaris ke-40, kemudian kepada anak beliau, Syeikh Muḥammad ‘Ādil al-Ḥaqqānī.¹⁵

Rantaian Salasilah Tarekat Naqsyabandiyah adalah sebagaimana di bawah:

- i) Sayyidinā Muḥammad SAW (W.11 H/632 M)
- ii) Sayyidinā Abu Bakr al-Ṣiddīq (W.13 H/634 M)
- iii) Sayyidinā Salmān al-Fārisī (W.33 H/654 M)
- iv) Sayyidinā Qāsim Ibn Muḥammad Ibn Abū Bakr (W. 108 H/726 M)

¹³ Abdul Manam Mohamad, “Tarekat Naqsyabandiyah: Perkembangan dan Sumbangan Ikhwannya di Malaysia, 48.

¹⁴ Abdul Manam Mohamad, “Tarekat Naqsyabandiyah: Perkembangan dan Sumbangan Ikhwannya di Malaysia, 48.

¹⁵ Mohd Faizal Harun, *Sejarah Tarekat Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam*, (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2018), 187.

- v) Sayyidinā Ja'far al-Ṣādiq Ibn Muḥammad al-Bakīr (W. 148 H/ 765 M)
- vi) Sayyidinā Abū Yazīd al-Biṣṭāmī (W. 261 H/ 875 M)
- vii) Sayyidinā Abū al-Ḥasan al-Kharkhānī (W. 425 H/1033 M)
- viii) Sayyidinā Abū 'Alī al-Faḍl al-Farmadhī (W. 447 H/ 1084 M)
- ix) Sayyidinā Abū Ya'qūb Yūsuf al-Ḥamadānī (W.535 H/1140 M)
- x) Abū al-'Abbās Sayyidinā Khidr AS
- xi) Sayyidinā 'Abd al-Khālīq al-Ghujdawānī (W.575 H/1179 M)
- xii) Sayyidinā Muḥammad 'Ārif al-Riyākūrī al-Rāmitīnī (W.636H/1239M)
- xiii) Sayyidinā Maḥmūd al-Anjīrī al-Faghnaḥwī (W.717H/1317M)
- xiv) Sayyidinā 'Azīzān al-Naṣṣāj al-Rāmitānī (W.721H/1321M)
- xv) Sayyidinā Muḥammad Bābā al-Sāmāsī (W.755H/1354M)
- xvi) Sayyidinā Amīr Kulāl (W.772H/1370M)
- xvii) Sayyidinā Muḥammad Baha' al-Dīn al-Naqshabandī (W.791H/1388M)
- xviii) Sayyidinā 'Alā' al-Dīn al-'Aṭṭār (W.802H/1400M)
- xix) Sayyidinā Ya'qūb al-Charkhī (W.851H/1447M)
- xx) Sayyidinā 'Ubayd Allāh al-Aḥrārī al-Samarqandī (W.895H/1490M)
- xxi) Sayyidinā Muḥammad al-Zāhid (W.936H/1529M)
- xxii) Sayyidinā Muḥammad Darwīsh (W.970H/1562M)
- xxiii) Sayyidinā Muḥammad al-Amkīnākī (W.1008H/1599M)
- xxiv) Sayyidinā Muḥammad al-Bāqī (W.1014H/1605M)
- xxv) Sayyidinā Aḥmad al-Fārūqī al-Sīrhindī al-Mujaddidī (W.1034H/1624M)
- xxvi) Sayyidinā Muḥammad Ma'sūm al-'Umarī al-Aḥmadī (W.1079H/1688M)
- xxvii) Sayyidinā Sayf al-Dīn al-'Umarī al-Aḥmadī (W.1095H/1684M)
- xxviii) Sayyidinā Muḥammad Nūr al-Badwānī (W.1135H/1723M)
- xxix) Sayyidinā Shams al-Dīn Ḥabīb Allāh al-Mirjānī (W.1195H/1781M)
- xxx) Sayyidinā 'Abd Allāh al-Dihlawī (W.1241H/1825M)
- xxxi) Sayyidinā Syekh Ḍiya' al-Dīn Khālīd ibn Aḥmad al-Baghdādī (W.1242H/1827M)
- xxxii) Ismā'īl al-Anārānī (W.1255H/1840M)
- xxxiii) Khāṣ Muḥammad al-Dāghistānī (W.1260H/1844M)

- xxxiv) Muḥammad Afandī Yaraqī (W.1265H/1848M)
xxxv) Saʿīd Jamāl al-Dīn al-Qumuqī (W.1285H/1869M)
xxxvi) Abū Aḥmad Saqhurī (W.1299H/1882M)
xxxvii) Abū Muḥammad al-Madanī (W.1331H/1913M)
xxxviii) Sharīf al-Dīn al-Dāghistānī (W.1335H/1936M)
xxxix) ʿAbd Allāh al-Fāʾiz al-Dāghistānī (W.1393H/1973M)
xl) Muḥammad Nāẓim al-Ḥaqqānī (W.1435H/2014M)
xli) Syeikh Muḥammad ʿĀdil al-Ḥaqqānī (Lahir 29 Mac 1957)

Salasilah di atas menunjukkan tarekat Naqsyabandi Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī adalah sabit dan sah secara ilmu tarekat dan juga fakta sejarah. Ia diperkukuhkan dengan kenyataan yang dinyatakan oleh beberapa badan rasmi tarekat seperti *Jam'iyyah Ahlith Thariqah al-Mu'tabarah an-Nahdliyyah* (JATMAN) yang mengiktiraf dan memutuskan Tarekat Naqshabandi Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī sebagai muktabar.¹⁶ Begitu juga perakuan yang diberikan oleh *Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah* Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang telah meluluskan pendaftarannya pada tahun 2018.¹⁷

Perkara ini turut diperakui oleh ʿAbd al-Raḥīm al-Khaznawī dan Dr. ʿAbd ʿAzīz al-Qubayṭī dalam tesis Ph.D mereka yang mengiktiraf dan memperakui sanad tarekat ini.¹⁸ Penekanan dalam rangkaian ini bukan sahaja pada kesinambungan formal, tetapi juga pada *ṣuḥbah*, iaitu hubungan batin dan latihan adab yang berterusan antara guru dan murid, baiah dan talkin.¹⁹

¹⁶ Abdullah Zawawi et al., “Pemikiran akidah Syeikh Nazim al-Qubrusi menurut ahli Sunnah Waljamaah ulasan kritikal terhadap dakwaan dalam isu tasawuf”, dlm. *Jurnal al-Hikmah*, 13 no 2, (2021): 10.

¹⁷ Abdullah Zawawi et al., “Pemikiran akidah Syeikh Nazim al-Qubrusi menurut ahli Sunnah Waljamaah ulasan kritikal terhadap dakwaan dalam isu tasawuf; Bernama, Tarekat Naqsyabandiyah al-Aliyyah Sheikh Nazim al-Haqqani registered in Negeri Sembilan, 11 April 2022, <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2070955>.

¹⁸ Abdullah Zawawi et al., “Pemikiran akidah Syeikh Nazim al-Qubrusi menurut ahli Sunnah Waljamaah ulasan kritikal terhadap dakwaan dalam isu tasawuf, 10.

¹⁹ Zakaria Stapa, “*Sanad Tarekat: Sejauh mana sandarannya kepada amalan para sahabat.*” Kertas kerja ini dibentangkan di dalam Seminar Sufi menurut pendekatan wasatiyah peringkat kebangsaan. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan

b) Tidak Berasaskan Hadis Baginda Rasulullah SAW

Salasilah tarekat Naqsyabandiyyah al-‘Āliyyah Syeikh Nāzīm al-Ḥaqqānī tidak tersebut dalam kitab-kitab *sunan* hadis Baginda Rasulullah SAW. Sumber tarekat dirujuk bukan kepada kitab *sunan* atau hadis. Ini berlaku kepada semua amalan tarekat termasuk tarekat Naqsyabandī Syeikh Nāzīm al-Ḥaqqānī. Tarekat tersebut yang dipimpin oleh Syeikh Muhammad Nāzīm al-Ḥaqqānī telah diasaskan oleh Syeikh Bahā’ al-Dīn al-Naqshabandī. Syeikh Nāzīm adalah syeikh yang ke 40 yang menerimanya daripada Syeikh ‘Abd Allāh al-Dāghistānī. Ia tidak disebut dalam mana-mana kitab sunan, tidak berasaskan kepada *ḥadīth ṣaḥīḥ* tetapi hanya diperakui oleh ulama tasawuf sahaja. Tarekat ini mendakwa salasilahnya bermula daripada Muḥammad Baha’ al-Dīn Shāh Naqshabandīyyah al-Bukhārī, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

Apabila membahaskan dakwaan berkenaan salasilah tarekat tersebut yang tidak dinyatakan dan disebut dalam mana-mana kitab sunan atau hadis, maka ia perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, bukan hanya dalam disiplin ilmu hadis sahaja. Ini kerana salasilah tarekat berkaitan dengan ilmu tasawuf, perlu dirujuk dalam konteks disiplin ilmu tasawuf yang diperakui oleh para ulama sufi. Penurunan salasilah daripada Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat seterusnya kepada para tabiin sehingga kepada tokoh-tokoh guru tarekat sekarang adalah berdasarkan kepada beberapa aspek amalan utama iaitu *ṣuḥbah*, perjalanan Nabi, *bay‘ah* dan *talkin*.²⁰ Keempat-empat aspek ini menjadi syarat utama dalam memastikan salasilah tarekat tidak terputus dan bersambung hingga kepada Rasulullah SAW.

Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), 2016), 1-17.

²⁰ Zakaria Stapa, “*Sanad Tarekat: Sejauh mana sandarannya kepada amalan para sahabat*.” Kertas kerja ini dibentangkan di dalam Seminar Sufi menurut pendekatan wasatiyah peringkat kebangsaan. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), 2016) 3.

Justeru itu, untuk melihat dan meninjau sejauh mana golongan sufi bersanadkan amalan para sahabat RA dalam amalan-amalan utama yang mereka amalkan dalam disiplin ilmu tasawuf adalah benar dari amalan sahabat dan Rasulullah SAW, maka persoalan di atas diambil keutamaan oleh golongan tasawuf bagi memastikan salasilahnya adalah sah dan bersambung. Ini bermakna, konsep sanad atau salasilah yang diamalkan dalam ilmu tasawuf adalah berbeza, tidak sebagaimana yang berlaku dalam ilmu hadis. Sanad yang diguna pakai dalam ilmu hadis tidak semestinya memakan masa yang lama dan tidak pula memerlukan tarbiah dan *irsyād*, sedangkan salasilah memerlukan *ṣuḥbah* serta pengambilan pelbagai adab, tarbiah dan *irsyād* yang tentunya memakan masa yang lama.²¹ Sanad dalam hadis menekankan ketepatan penukilan teks dan kesahihan perawi, sementara dalam tasawuf salasilah lebih menekankan kesan rohani, barakah, dan kesinambungan adab. Ulama seperti al-Qushayrī dan al-Ghazālī menjelaskan bahawa ilmu tasawuf hanya dapat diturunkan melalui penyucian jiwa, bukan sekadar hafalan atau pernyataan lisan.

Dengan ini, amalan yang diamalkan oleh kumpulan tarekat berbentuk zikir dan amalan lainnya adalah *ma' thūr* daripada para sahabat RA berkesinambungan hingga kepada Rasulullah SAW.

c) Berasaskan *Silsilah Barzakhiyyah* Dan Pertemuan Dengan Nabi Khidr AS

Konsep *silsilah barzakhiyyah* merujuk kepada periwayatan ilmu daripada tokoh sufi yang telah wafat melalui mimpi, ilham atau pengalaman rohani. Dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Ḥaqqānī, beberapa tokoh seperti Abu Yazid al-Bisṭāmī dikatakan menerima ilmu secara ghaib daripada Ja'far al-Ṣādiq. Ini dipertikaikan dari sudut sejarah, tetapi diterima dalam kerangka pengalaman rohani oleh ahli tasawuf. Salasilah seumpama ini adalah berasaskan kepada apa yang diistilahkan oleh ahli tarekat dengan nama *silsilah barzakhiyyah*; iaitu periwayatan seseorang yang masih hidup daripada orang atau syekh tarekat yang telah wafat melalui mimpi atau jalur lain yang tidak berlaku di alam zahir

²¹ Zakaria Stapa, *Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandaran Kepada Amalan Para Sahabat*, (JAKIM: Putrajaya, 2025), 4.

atau pertemuan secara *ruḥī*.²² Keharusan bertemu Nabi Khidr a.s diperakui oleh Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, Syeikh ‘Abd al-Majid al-Khānī, Imam Ibn Hajar al-Haytamī, Syeikh al-Azhar Syeikh ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd r.h dan yang lain-lain. Menurut Syeikh Hisham Kabbānī, Syeikh Nāzīm merupakan orang yang terakhir dalam salasilah Naqsyabandī yang disebut sebagai “*Silsilah* Rantai Emas Naqsyabandī Ḥaqqānī”.²³ Mohd Asyran et al., dalam kertas kerjanya yang bertajuk; “Dakwah Syeikh Nāzīm al-Qubruṣī: Antara Penerimaan dan Penolakan”, menyatakan terdapat pertikaian dalam kalangan ulama tarekat terhadap salasilah ini, kerana Syeikh Hishām meletakkan Nabi Khidr AS sebagai salah seorang guru spiritual dalam salasilah tarekat tersebut. Ini tidak didapati dalam salasilah Naqsyabandī yang lainnya melainkan Naqsyabandī Ḥaqqānī.²⁴ Perkara inilah yang disebut sebagai ‘*uwaysī*’, iaitu salasilah yang diperolehi secara spiritual.²⁵

Mohd Asyran menyatakan; terdapat beberapa nama yang disebut dalam salasilah Naqsyabandī Ḥaqqānī ini menerima tarekat secara *barzakhī* iaitu Abū Yazīd al-Bisṭāmī (w. 784M) yang mengambil daripada Sayyidīnā Ja‘far al-Ṣādiq (w. 765M), kemudian Abū al-Ḥasan

²² Faudzinaim Badaruddin dan Muhammad Khairi Mahyuddin, *Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf*, (Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM): Bangi, 2021), 38.

²³ Abdullah Zawawi et al., “Pemikiran akidah Syeikh Nazim al-Qubrusi menurut ahli Sunnah Waljamaah ulasan kritikal terhadap dakwaan dalam isu tasawuf”, 3-34.

²⁴ Kenyataan berkaitan Syeikh Hishām meletakkan Nabi Khidr a.s sebagai salah seorang guru spiritual dalam salasilah tarekat tersebut adalah berdasarkan tulisan dan kajian Mohd Asyran Kamaruzzaman. Rujuk: Mohd Asyran Kamaruzzaman. *Pemikiran akidah Shaykh Nazim al-Qubrusi menurut Ahli Sunnah Waljamaah*, Ph.D., (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020) 50. Walau bagaimanapun terdapat pendapat yang menekankan dan menampilkan Saydina Khidr a.s sebagai salah seorang guru rohani ghaib dalam salasilah (rantai) spiritual tarekat ialah Syeikh Nāzīm al-Ḥaqqānī, dan ajaran ini kemudian diperluas serta dijelaskan secara terbuka oleh murid utamanya, Syeikh Hishām Kabbānī. Rujuk halaman rasmi Naqshabandī “The Naqshbandi Golden Chain/ The Chain” dalam <https://naqshbandi.org/tariqa/living-masters/shaykh-muhammad-hisham-kabbani>.

²⁵ Faudzinaim Badaruddin dan Muhammad Khairi Mahyuddin, *Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf*, (Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM): Bangi, 2021) 38.

al-Kharqānī (w. 1034M) yang mengambil daripada Abū Yazīd al-Bisṭāmī. Kemudian, Abū Ya‘qūb Yūsuf al-Hamadānī (1109-1140M) yang mengambil daripada ‘Abd al-Khāliq al-Ghujdawānī (w. 1220M). Seterusnya, pendiri tarekat Naqsyabandī sendiri, Syeikh Muḥammad Baha’ al-Dīn al-Naqshabandī (1318-1389M) yang mengambil dari ‘Abd al-Khāliq al-Ghujdawānī khusus secara *barzakh*.²⁶ Kaedah periwayatan seumpama ini adalah bercanggah dengan kaedah periwayatan yang berlaku dalam disiplin ilmu hadis.

Para ulama berselisih pandangan mengenai keharusan bertemu Nabi Khidr AS Imam al-Suyūṭī (w. 911H) menjelaskan keharusan bertemu dengan Nabi Khidr AS.²⁷ Begitu juga Imam al-Nawawī dalam *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* menyatakan keharusan berlaku disisi jumbuh ulama.²⁸ Beliau menyatakan bahawasanya Nabi Khidr AS hidup, wujud dalam kalangan kita dan ia disepakati di sisi ahli tasawuf, *ahl ṣalah* dan *ahl ma’rifah*. Ramai pengkaji yang menulis berkenaan Nabi Khidr AS masih hidup. Pelbagai hadis juga banyak ditemui berkenaan isu ini, sekalipun *da‘if*, tetapi banyak *turuq* dan *khavar* yang memperkukukkannya. Selain itu, isu berkenaan Nabi Khidr AS juga disebut dalam kitab *al-Hadā‘iq al-Wardiyyah* oleh Shyeikh ‘Abd Majīd al-Khānī (w. 1318 H) bahawa Syeikh ‘Abd Khāliq al-Ghujdawānī

²⁶ Mohd Asyran Kamaruzzaman, Pemikiran akidah Shaykh Nazim al-Qubrusi menurut Ahli Sunnah Waljamaah, Ph.D, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020), 40 & 50.

²⁷ Imam al-Suyūṭī menyebut dan mengulas naratif klasik tentang kisah pertemuan Nabi Mūsā a.s dengan Khidr a.s (kisah yang disebutkan dalam Al-Qur’ān surah *al-Kahf*) dan perbincangan ulama tentang makna ilmu batin (العلم الباطن) berbanding ilmu zahir. Beliau merujuk bahawa ada ulama yang menganggap ilmu Nabi Khidr a.s sebagai ilmu *khās* (rahsia) yang bukan untuk di ajar secara terbuka, lalu menukil pendapat yang menegaskan tidak ada percanggahan antara ilmu zahir dan batin. Al-Suyūṭī juga menyebutkan bahawa persoalan dan riwayat tentang Khidr telah dibincangkan dalam banyak kitab lama (contohnya *Hilyat al-Awliyā’* dan karya-karya tasawuf lain). Rujuk al-Suyūṭī, *Ta’yīd al-Haqīqah al-‘Alīyah wa Tasyīd al-Ṭarīqah al-Syādhiliyyah*. Pentahqiq: al-Muḥaddith ‘Abdullah al-Ghumārī. (t.tp: al-Maṭba‘ah al-Islāmiyyah, 1934) 88 – 89.

²⁸ Al-Nawawī, *Al-Minhaj Syarah Shahih Muslim*, (Indonesia: Darus Sunnah, tt) Jilid 11, Bab 46: Diantara Keutamaan Khidr A.S, Tafsir hadits: 6113-6118, 115.

mengambil ilmu daripada Nabi Khidr AS.²⁹ Dengan ini, ia membuktikan keharusan untuk bertemu dan berjumpa dengan Nabi Khidr AS dan menerima pengajaran-pengajaran tertentu untuk diamalkan sebagaimana yang berlaku dalam sesuatu kumpulan tarekat.

Berdasarkan keterangan di atas, ia menunjukkan keharusan bertemu dengan Nabi Allah Khidr AS dan ini juga turut berlaku dalam salasilah rantai dalam tarekat Naqsyabandiyyah. Salasilah ini dinamakan dengan nama *silsilah barzakhiyyah* di sisi ahli tasawuf.³⁰

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa salasilah Tarekat Naqsyabandiyyah al-‘Āliyyah Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī adalah sah menurut disiplin ilmu tasawuf, meskipun tidak memenuhi piawaian sanad dalam disiplin ilmu hadis. Kesahihan tersebut diukur berdasarkan prinsip utama dalam tradisi tasawuf seperti *ṣuḥbah*, baiah, talkin dan kesinambungan adab serta bimbingan spiritual daripada guru kepada murid.

Konsep *barzakhiyyah* dan pertemuan dengan Nabi Khidr AS, walaupun menimbulkan perbezaan pandangan, namun ia diterima dalam kerangka epistemologi tasawuf yang mengiktiraf kewujudan pengalaman rohani dan ilham sebagai salah satu bentuk pewarisan ilmu kerohanian. Oleh itu, pendekatan menilai kesahihan salasilah tarekat hendaklah dilihat secara interdisiplin, iaitu dengan menghormati metodologi tasawuf tanpa menafikan piawaian syariah dan hadis.

Secara keseluruhannya, salasilah Tarekat Naqsyabandiyyah al-‘Āliyyah Syeikh Nāẓim al-Ḥaqqānī mencerminkan keterikatan antara

²⁹ ‘Abd al-Majīd al Khānī, *al-Ḥadāiq al-Wardiyyah fī Ḥaqqāiq Ajilla’ al-Naqsyabandiyyah*, cetakan ke-2, (Iraq: Aras Publisher, 2002) 160.

³⁰ Faudzinain Badaruddin & Muhammad Khairi Mahyuddin. Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 20 Dec. (2021): 38.

https://www.academia.edu/79054123/Autoriti_Sanad_Tarekat_dan_Peranannya_dalam_Ilmu_Tasawuf

kesinambungan sejarah, sanad rohani dan legitimasi ilmiah, menjadikannya satu contoh penting bagi memahami bagaimana warisan tasawuf terus hidup dan diterima dalam masyarakat Islam kontemporari.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. *al-Madrasah al-Shādhiliyyah al-Ḥadīthah wa Imāmuha Abū al-Ḥasan al-Shādhilī*. Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, t.t.
- ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. *al-Qaḍāyā fī al-Taṣawwuf: al-Madrasah al-Shādhiliyyah*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, 1999.
- ‘Abd al-Majīd al-Khānī. *al-Ḥadāiq al-Wardiyyah fī Ḥaqāiq Ajillā al-Naqsyabandiyyah*. Irbil, Iraq: Aras Publisher, 2002.
- ‘Abd al-Raḥīm al-Khaznawī. *al-Ṭarīqah al-Naqshabandiyyah: Nasyatuhā, Uṣūluhā, Taṭawwuruhā*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 2015.
- Abdul Manam Mohamad, “Silsilah Dalam Ilmu Tarekat”. Prosiding dibentangkan di Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, November 22-24, 2011.
- Abdul Manam Mohamad. *Tarekat Naqsyabandiyah: Perkembangan dan Sumbangan Ikhwannya di Malaysia*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2004.
- Ahmad Arif Zulkefli et al. “Penilaian Kritis Disertasi ‘Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah’”. [Critical Evaluation Of The Dissertation ‘Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrusimenurut Ahli Sunnah Wal Jamaah’: A Study Of Divine Issues]”. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, vol.24, no. 2 (2023): 52-72.
- Faudzinaim Badaruddin dan Muhammad Khairi Mahyuddin. “Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf”. *International Journal of Islamic Thought*, vol. 20 (2021): 34-44.
- Gerdien Jonker. “The Evolution of the Naqshbandi-Mujaddidi Sulaymani in Germany”. Dlm. *Sufism in the West*, London: Routledge, 2006.

- Ibn Hajar al-Haytamī. *al-Fatāwā al-Hadīthiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.
- Jorden S. Nielsen, Mustafa Draper dan Galina Yemelianova. “Transnational Sufism: The Haqqāniyyah”. Dlm. *Sufism in the West*, London: Routledge, 2006
- Kajian Semula Tarekat Naqsyabandiah Al-'Aliah Syeikh Nāẓim Al-Haqqānī,” Jabatan Mufti Johor, diakses pada 28 Ogos 2025, https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=471
- Mohamad Hafiz Darpen, Muaz Bin Mohd Ghani Basri dan Ali Bin Abdul Jalil. “Kritikan Sanad Terhadap Riwayat Abu Yazid Al-Bisthomi dalam Silsilah Tarekat Naqsyabandiyah”. *Jamalullail Journal*, vol. 4, no. 1 (2025): 72–90.
- Mohd Asyran Kamaruzzaman. “Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūṣī Menurut Ahli Sunnah Waljamaah.” Disertasi Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020
- Mohd Asyran, Mohd Haidhar dan Kamarudin Salleh. “Dakwah Sheikh Nāẓim al-Qubrusi: Antara Penerimaan dan Penolakan”. *Jurnal al-Hikmah*, no 1 (2019): 41-59.
- Mohd Faizal Harun dan Muhamad Hazwan. *Sejarah Tarekat: Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2018.
- Al-Nawawī, Yahyā Syarf. *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. , Indonesia: Dārus Sunnah, t.t.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Ta'yīd al-Haqqiqah al-'Āliyah wa Tashyīd al-Tarīqah al-Shādhiliyyah*. ed. *al-muḥaddith* 'Abd Allāh al-Ghumārī. Tunisia: al-Maṭba'ah al-Islāmiyyah, 1934.
- Warta Kerajaan Negeri Perak,” Warta Kerajaan: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak, diakses pada 27 Ogos, 2025, https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/naqsyabandiah.pdf
- Zakaria Stapa. “Sanad tarekat: sejauh mana sandaran kepada amalan para sahabat”. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Agama

Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM),
Ogos 18, (2016).